



14 FEB, 2025

Lancar pelan hala tuju gas asli tahun ini

Harian Metro, Malaysia



Lancar pelan hala tuju gas asli tahun ini

Kuala Lumpur: “Kementerian Ekonomi akan melancarkan Pelan Hala Tuju Gas Asli pada suku kedua atau ketiga 2025 dalam usaha meningkatkan pelaburan dalam sektor berkenaan,” kata Menteri Datuk Seri Rafizi Ramli.

Beliau berkata, ini seiring hasrat kerajaan untuk merangsang sumbangan gas asli bernilai RM52 bilion kepada pertumbuhan ekonomi menerusi pelan hala tuju itu.

“Kita mahu mengetengahkan pendirian kerajaan mengenai isu kawal selia utama, memaparkan bagaimana halangan ini akan ditangani selain menggariskan peluang dalam membina infrastruktur gas yang teguh dan menjamin bekalan jangka panjang bagi Ma-

laysia,” katanya ketika menyampaikan ucap-tama pada Simposium Gas Malaysia (MyGAS 2025) di sini, semalam.

Sambil menyifatkan dorongan sedemikian sebagai penting, Rafizi ber-kata, ini terutama men-gambil kira aspek geo-politik tenaga selain ke-adaan pasaran gas global yang lebih berpecah ber-banding minyak men-tah.

Beliau berkata, pelan hala tuju itu akan turut memberi fokus terhadap akses pembiayaan dan in-frastruktur gas.

“Menerusi usaha me-ngembangkan terminal dan saluran paip regasi-fikasi, kita mahu me-ningkatkan bilangan pe-kerjaan teknikal serta mengekalkan impak so-sioekonomi industri,” ka-tanya.